

Utusan Malaysia

KDNK 2015 dijangka 5 %

ZUNAIDAH ZAINON | 15 Februari 2016 12:10 AM



-Manokaran Mottain-

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia dijangka perlahan tahun ini antara lain disebabkan kelembapan permintaan domestik dan faktor luaran seperti kelembapan ekonomi China. Gambar Hiasan.

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Penganalisis ekonomi menjangkakan Malaysia akan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih rendah bagi suku keempat 2015 disebabkan ketidaktentuan ekonomi semasa dan indeks pengeluaran perindustrian (IPI) yang berkembang sederhana.

Ketua Penganalisis Ekonomi Alliance Bank, Manokaran Mottain berkata, bagaimanapun KDNK bagi suku tersebut diunjur mencapai pertumbuhan 4.5% dengan KDNK bagi 2015 sebanyak 5%.

“Buat masa ini, kami mengekalkan unjuran KDNK 2016 pada 4.5% tetapi tetap berhati-hati dengan kelembapan dalam aktiviti perindustrian dan penggunaan ekonomi secara keseluruhan.

“Kami melihat terdapat kemungkinan yang tinggi dalam unjuran pertumbuhan yang lebih perlahan sekiranya data Januari terus mengecewakan dengan penurunan berterusan dalam aktiviti eksport dan pengeluaran,” katanya dalam nota kajian di sini.

IPI mencatat pertumbuhan 2.7% pada Disember 2015 berbanding 1.7% pada bulan sebelumnya didorong oleh pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan elektrik dengan masing-masing berkembang pada 4 dan 5.6%.

Walaupun prestasi IPI pada Disember adalah di atas medium konsensus Bloomberg sebanyak 1%, keseluruhan pengeluaran perindustrian masih kekal lemah berdasarkan petunjuk dalam trend IPI yang sederhana iaitu 2.8% bagi suku keempat 2015 berbanding 4.5% suku sebelumnya.

Sementara itu, CIMB Research berkata, indikator utama menunjukkan IPI kemungkinan kekal lemah untuk beberapa bulan akan datang sebelum kembali sederhana pada penghujung suku pertama 2016, dengan pemulihan KDNK hanya boleh dilihat pada suku kedua.

“Dengan mengambil kira IPI sebagai petunjuk yang tepat dan digunakan sebagai rujukan indikator untuk KDNK, ia secara tidak langsung mencerminkan pertumbuhan KDNK sebenar pada suku keempat adalah sekitar 3 hingga 3.5%.

“Bagaimanapun, kami menjangkakan sektor perkhidmatan akan meningkat sedikit pada suku keempat 2015. Oleh itu, kami berpendapat, KDNK pada suku berkenaan boleh

mencecah 4% sekali gus menjadikan KDNK 2015 sebanyak 4.7%, sebagaimana dijangkakan,” katanya.

MIDF Research pula menjangkakan IPI akan mencatat pertumbuhan sederhana sekitar 3 hingga 3.5% pada 2016 dengan menjangkakan pertumbuhan KDNK lebih rendah iaitu 4.4%.

“Secara keseluruhan, jangkaan untuk tahun ini amat tidak memberangsangkan dan kami tidak melihat banyak kemajuan dalam aktiviti perdagangan global manakala permintaan domestik dilihat kekal lemah berikutan pertumbuhan perlahan dalam kadar pengambilan pekerja dan kos sara hidup yang tinggi,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Affin Hwang Capital turut menjangkakan pertumbuhan KDNK lebih perlahan tahun ini iaitu 4.5%, yang mencerminkan kelembapan dalam permintaan domestik dan luaran.

“Kami percaya kelembapan ekonomi China dengan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan KDNK negara itu lebih sederhana daripada 6.9% pada 2015 kepada 6.3% tahun ini terutama melibatkan sektor pembuatan, akan memberi kesan kepada dagangan dan prestasi pengeluaran Malaysia pada masa akan datang,” ujar firma penyelidikan itu.